

# Dakwaan terhadap PM khabar angin: Dr M

BH-19/4/2007

**P**UTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam mengakui dakwaan kononnya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai sebuah banglo mewah Australia hanya khabar angin.

Berikutan itu, beliau meminta maaf kepada Perdana Menteri kerana turut membuat dakwaan berkenaan dalam satu ceramahnya di Kulai, Johor baru-baru ini.

"Saya tidak sepatutnya membuat kenyataan itu kerana saya menyatakan sesuatu berdasarkan khabar angin yang saya dengar dan khabar angin itu berulang kali menyatakan bahawa rumah itu milik beliau (Perdana Menteri).

"Dan tentunya apabila kita sudah terbawa-bawa selepas memberikan ucapan seperti itu, kita tidak me-

napis diri kita dan kita tidak berhati-hati mengenai apa yang kita cakapkan, jadi saya menyatakannya dan saya minta maaf kerana memperkatakan sesuatu yang salah.

"Saya sepatutnya diperbetulkan dan saya sangat berbesar hati bahawa rakyat sememangnya memberi perhatian terhadap dakwaan saya dan mereka mendapat tahu bahawa orang yang memiliki rumah itu bukan PM, bukan anaknya, tetapi orang lain," katanya.

Beliau menjelaskan demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan tama pada Siri Syarahan Perdana ke-6 mengenai 'Media dan Pembangunan Nasional' di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Banglo mewah berharga RM60 juta berhampiran Sungai Swan di Perth

itu bukan milik Perdana Menteri atau anaknya, Kamaluddin seperti didakwa.

Dr Mahathir turut menyuarakan kekecewaannya dengan keadaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang didakwa semakin tidak mendapat penjagaan sempurna, seolah-olah sudah kurang minat untuk meneruskan pembangunannya.

Beliau berkata, Putrajaya yang diilhamkannya, mempunyai pelan pembangunan menyeluruh, tetapi pusat pentadbiran ini kini kelihatan tidak dilaksanakan seperti dirancang.

Mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan akan bertanding jawatan Presiden Parti Keadilan Rakyat bulan depan, Dr Mahathir

berkata beliau percaya bekas timbalannya itu akan kembali aktif dalam politik.

"Dia juga masih berminat untuk menjadi Perdana Menteri. Tahun depan dia boleh bertanding dan saya percaya dia akan bertanding. Dia boleh memenangi beberapa kerusi tetapi untuk kembali berkuasa dan menerajui kerajaan itu cuma mimpi," katanya.

Mengenai Proton, Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu memastikan syarikat automotif nasional itu kekal milik Malaysia.

"Saya tak tahu mereka bercakap untuk menjual syarikat itu. Jika Proton dijual kepada syarikat asing, ia bukan lagi syarikat nasional. Jika nak jual, jual kepada syarikat tempatan," katanya.